

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HMT 327 - Wacana dan Pragmatik**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Pilih **DUA** soalan daripada mana-mana **Bahagian A** dan **DUA** soalan daripada mana-mana **Bahagian B**.

...2/-

## Bahagian A

1. Jawab soalan [a], [b] DAN [c], berasaskan wacana di dalam **Data 1** dan **Data 2** yang berikut :

### Data 1

Teliti dan amatilah keadaan sekeliling yang mempunyai manisan bunga daripada jenis yang dikunjungi oleh lebah dalam usahanya mencari debunga dan manisan. Usaha mencari sarang lebah lebih baik dilakukan pada waktu pagi ketika mereka aktif mencari makanan pada waktu ini. Buatlah tanda arah ke arah mana lebah pulang. Buatlah jangkaan dari beberapa arah dan kedudukan. Cara yang lain pula, carilah sarang tersebut di tempat-tempat yang terlindung daripada gangguan manusia atau binatang seperti di lubang atau di bumbung rumah tinggal. Lebah juga membuat sarang di dahan pokok-pokok ataupun rumah terbiar di mana terdapat pokok-pokok limau berhampirannya. Reban ayam, bilik mandi, lubang-lubang pokok, salai kelapa, pangkal pokok kelapa, bumbung rumah dan sebagainya turut menjadi tumpuan lebah membuat sarang.

Koloni (masyarakat lebah) masih digunakan sebagai model untuk sesebuah negara, sama ada ianya sebuah kerajaan beraja ataupun sebuah republik. Gambaran bagaimana madu dihasilkan daripada sarang (kom) lebah yang tunggal dari jenis *Apisflores* oleh penduduk kesultanan Oman adalah seperti berikut.

Sumber: Ahmed Lathiff dan Md. Firdaus, 1994. **Madu Lebah. Penawar Penyalit Zahir & Bathin**. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, ms: 30-31.

**Data 2**

Seperti kilat pantasnya tangan Boyong memancung leher salah seorang dari pengawal itu. Boyong dapat mendengar bunyi mata liang itu merentas leher yang tidak dibungkus oleh sebarang kain itu, dan serentak dengan itu, Boyong merasa mukanya tersembur oleh benda panas berbau hanyir. Boyong tahu, benda itu bukan air dan bukan juga hujan yang menitis dari angkasa.

Boyong melihat sebuah jasad terkulai sambil menggelupur diikuti oleh bunyi nafas yang menggerunkan seperti bunyi nafas kerbau yang baru disembelih.

Pengawal yang seorang lagi agak cekap dan cepat sedar. Ia menangkis parangan ilang Boyong dengan pantas sambil melompat arah ke dinding rumah yang bulat itu. Tangan kanannya cepat mencapai ilang dan klavitnya. Kemudian dalam sekelip mata saja ia sudah mengatur perlawanan.

Sumber: Amil Jaya, 1984. **Ngayau**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms: 87.

- [a] Kenal pasti peranti wacana yang terdapat di dalam setiap **Data 1** dan **Data 2**.

[5 markah]

- [b] Huraikan setiap peranti yang anda kenal pasti di dalam [a].

[10 markah]

- [c] Bincangkan secara ringkas keberkesanan kehadiran peranti tersebut dan kelemahan kedua-dua wacana sekiranya ada.


[10 markah]

2. Jawab [a] DAN [b].

Jawab berdasarkan **Data 3** dan **Data 4**.

**Data 3**

Bayi yang telah berumur enam bulan atau lebih akan memalingkan mukanya ke arah bunyi. Dengan menggunakan beberapa bunyi yang berbeza keamatan seperti bunyi gemeretak, bunyi sudu dalam cawan, kerpisan kertas dan suara manusia, pemeriksa yang sabar akan dapat mengagak kadar kepekaan bayi tersebut. Ini disebut *teknik distraksi*, (Rajah 9.1).



**Rajah 9.1** Menguji pendengaran kanak-kanak dengan teknik distraksi, iaitu dengan menggunakan alat mainan untuk menarik perhatiannya.

Setelah mencapai umur lebih daripada lapan belas bulan, bayi tersebut perlu dibiasakan melakukan aktiviti yang senang seperti menegakkan batu sebagai respon jika sesuatu bunyi kedengaran. Teknik ini ialah teknik pelaziman. Apabila kanak-kaanak telah meningkat 3 – 4 tahun, audiometric tonus tulen bolehlah dicuba.

Sumber: Stephen Lee Teck Soong, 1990. **Aspek Klinikal Telinga**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms: 96.

**Data 4**

“Bukan pasal emak Hilmy,” kata Siti Salina masih menangis-nangis juga, “pasal kakak, Hilmy.” Tangisan Siti Salina diekori dengan hembusan hingus, yang selalunya ada di dalam hidungnya bila dia menangis itu.

Hilmy memandangi Siti Salina sepenuhnya, dan walaupun tidak diketahuinya dengan tepat apa yang hendak disampaikan oleh Siti Salina, masih tetap dipercayanya soalnya tentulah tentang kekejaman Abdul Fakar terhadapnya.

“Pasal Abdul Fakar ya, kak?” tanya Hilmy mula merasa kurang sedikit keharuannya, kerana sudah tahu dia ibunya baik.

“Ya,” jawab Siti Salina, memandangi muka Hilmy.

“Dia pukul kakak lagi?”

Siti Salina mengangguk-anggukkan lagi, dan menghembuskan hingusnya lagi ke dalam sapu tangannya. Hilmy memandangkannya dan mula ternampak beg Siti Salina di bawah meja.

“Ini beg kakak?”

“Kakak endak lari?”

“Ke mana?”

Siti Salina diam. Matanya yang berair itu mula dikesatnya dengan hujung bajunya; dia cuba mencari ketengangan untuk menyatakan apa yang ada di dalam hatinya.

“Kakak endak lari ke mana?”

“Ke Kelantan,” jawab Siti Salina sambil memerhatikan muka Hilmy, mempelajari dari air mukanya apakah Hilmy bersetuju ia pergi ke Kelantan itu atau tidak; dia tidak dapat meneka apa-apa.

Sumber: A. Samad Said, 1986. **Salina**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms:368-369.

[a] Jawab [i] DAN [ii].

[i] Terangkan **TIGA** kaedah memproses wacana.

[10 markah]

[ii] Huraikan peranan implikatur dan takwilan di dalam wacana.

[8 markah]

...6/-

[b] Jawab [i] ATAU [ii].

[i] Jelaskan peranan latar belakang pengetahuan dan proposisi.

[7 markah]

ATAU

[ii] Bincangkan **EMPAT** maksim Grice (1967).

[7 markah]

3. Jawab [a], [b] DAN [c].

[a] Bagi ayat-ayat yang diberi di bawah, perikan daripada aspek maklumat sedia ada dan baru, tema dan rima.

[i] Ada sebiji gelas di atas meja.

[ii] Layang-layang putus tali.

[iii] Mereka berkumpul di padang bola dan bersedia untuk bertolak.

[iv] Seperti pepatah lama, 'Ada udang balik batu'; 'Gunting dalam lipatan'.

[4 markah]

[b] Huraikan dengan ringkas perbezaan antara wacana, teks dan gatra.

[8 markah]

[c] Apakah yang dimaksudkan dengan konteks di dalam wacana. Jelaskan dengan contoh yang sesuai.

[13 markah]

**Bahagian B**

4. Jawab [a], [b] DAN [c] berdasarkan **Data 5** di bawah.

**Data 5**

“Berhenti!” bisik Azman perlahan sambil mengangkat tangan. “Kita lihat sahaja helang itu dari sini”, tambahnya lagi memberi arahan.

Budak-budak itu tergamam. Mereka berhenti sambil mematikan diri di celah-celah batu besar yang ada di situ. Dada masing-masing berdebar-debar. Mereka tahu di situ kawasan larangan. Tidak jauh dari tempat mereka berlindung ada papan tanda yang bertulis: **DILARANG MASUK KE KAWASAN INI. MERBAHAYA.** Di sebelah perkataan itu ada terlukis gambar orang ditembak.

Dari amaran papan tanda itu budak-budak itu tahu bahawa tempat itu tidak boleh dimasuki. Sesiapa yang masuk mencero boh akan ditembak. Semasa helang tadi terbang rendah lalu hinggap di atas palang berdera. Ia berbunyi beberapa kali dengan kuat.

“Sysssss...! Lihat!” bisik Wong Kee kepada teman-temannya. Azman, Mohan dan Baki memanjangkan leher masing-masing untuk mengintai. Helang itu terus berbunyi. Kemudian muncul dari dalam gua itu beberapa orang yang tidak dikenali. Orang-orang itu lengkap dengan senjata masing-masing.

Sumber: Ibrahim A. Wahab.1981. **Penunggu Gua**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 102.

- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan deiksis menurut Grundy (2000).

[5 markah]

- [b] Bincangkan dengan ringkas jenis deiksis yang terdapat di dalam **Data 5** dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

[10 markah]

...8/-

- [c] Berpandukan dengan pengetahuan atau pengalaman anda yang sedia ada tentang deiksis, huraikan dengan ringkas hubungan antara deiksis dengan dunia sebenar.  
[10 markah]
5. Jawab [a] DAN [b] berdasarkan petikan yang berikut:
- ‘Linguistik merupakan ekspresi hubungan sosial’ (Brown dan Levinson, 1987:49).
- [a] Bincangkan **EMPAT** daripada strategi usulan yang dikemukakan oleh Brown dan Levinson dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian.  
[15 markah]
- [b] Sejauhmanakah strategi usulan yang dikemukakan berkesan?  
[10 markah]
6. Lakuan bahasa merupakan salah satu komponen di dalam mikropragmatik (Grundy, 2000).  
Bincangkan:
- [a] Ciri lakuan bahasa oleh Searle (1977) di dalam Grundy (2000).  
[15 markah]
- [b] Daripada pemerhatian anda sendiri sejauh mana pendapat Searle (1977) di atas bertentangan dan serasi dengan realiti.  
[10 markah]